

IPT perlu peka kemudahan pelajar OKU

UB 04.03.2021 P2

KOTA KINABALU: Institut Pengajian Tinggi (IPT) perlu peka terhadap kemudahan yang perlu disediakan kepada golongan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) bagi memastikan kebaikan dan keselamatan mereka terjamin.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk ChM Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, Dasar Inklusif OKU di IPT yang telah diumumkan pada tahun 2019 menunjukkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat mengambil berat tentang keperluan pendidikan para pelajar OKU.

Katanya, dasar itu telah mencetuskan kesedaran bahawa golongan OKU juga perlu diberikan pel-

uang untuk menyambung pelajaran ke peringkat universiti sekiranya memenuhi syarat-syarat dan lulus cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Diploma dan sebagainya.

“Paling utama ialah cara penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) disediakan sebaik mungkin bagi memenuhi keperluan golongan istimewa ini.

“Sehubungan itu, di pihak UMS, pengurusan universiti akan sentiasa berusaha bagi memastikan keperluan mereka sentiasa ditambah baik daripada masa ke masa.

“Pendekatan menang-menang antara pensyarah-pelajar dalam konteks ini



TAUFIQ

perlu dititikberatkan agar mereka tidak ketinggalan berbanding pelajar sem-purna,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena perasmian Majlis Program Memperkasakan Pelajar OKU Dalam Dunia Pendidikan di IPT 2021 di Galeri Majlis, UMS dan turut disiarkan secara dalam talian melalui platform la-man Facebook rasmi UMS. Official saluran YouTube [UMS.Net](#) dan aplikasi Cisco Webex.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Taufiq menambah, dengan jumlah melebihi 600 ribu orang OKU yang berdaftar di Jabatan Keba-jikan Masyarakat menunjukkan bahawa pendidikan merupakan perkara asas yang perlu dipenuhi dalam

hidup mereka seperti orang biasa.

Menyentuh mengenai program itu, Taufiq memaklumkan program itu diadakan bertujuan sebagai medan percambahan minda untuk meningkatkan keupayaan universiti dalam membuat penambahbaikan terhadap keperluan prasarana golongan pelajar OKU di kampus.

“Ini meliputi kemudahan infrastruktur dan aksesibiliti, keperluan kepada kelengkapan PdP, sokongan sosial dan tadbir urus yang lain agar universiti lebih mesra OKU.

“Saya yakin perkongsian ilmu sebegini akan dapat memberi kesan yang positif kepada keperluan dalam memperkasakan pelajar OKU di IPT,” katanya.